

UMS unggul Karnival Sukan IPT Sabah 2016

UB 28.9.2016 A16

Oleh DESMOND QWEK

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuktikan kehebatan mereka di Karnival Sukan Institut Pengajian Tinggi Sabah 2016 yang berakhir di sini pada Ahad.

Selaku tuan rumah, UMS mengungguli enam dari lapan sukan yang dipertandingkan di karnival dua hari yang dianjurkan buat julung-julung kalinya itu.

Pingat emas dalam acara bola sepak, futsal, bola jaring, sepak takraw serta bola

keranjang lelaki dan wanita membolehkan UMS muncul selaku juara keseluruhan.

Kolej Vokasional Tawau dan UiTM Sabah masing-masing menjuarai acara bola tampar lelaki dan wanita yang mana menyaksikan UMS muncul selaku naib johan

dalam kedua-dua kategori acara itu.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah merasa bangga dengan kejayaan kontinjen UMS yang dianggapnya cemerlang kerana berjaya masuk ke perlawanan akhir dalam semua

acara yang dipertandingkan.

Beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua mahasiswa dan pegawai yang telah mengharumkan nama UMS.

“Ini adalah hasil kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam membawa kejayaan

kontinjen UMS.

“Kejohanan ini tidak ada kedudukan keseluruhan sebagaimana diputuskan agar memberikan aura kebersamaan.

“Objektif kejohanan memberi peluang dan ruang mahasiswa di IPT Sabah berinter-

aksi dalam ruang sukan,” kata beliau.

Karnival itu disertai oleh 27 institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negeri Sabah untuk merebut Trofi Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Mary Yap Kain Ching.